

Newspaper	AMANAHAH
Date	06 MARCH 2017

Tun Mahathir cabar Najib debat isu 1MDB

'Jika saya nyanyuk, kenapa takut'

Amannah
- 6/3/2017



Ketibaan Tun Mahathir disambut Dr Mujahid dan para pemimpin Pakatan Harapan.



Dr Mujahid, Tun Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah di pentas utama.

PARIT BUNTAR: Mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad mengajak semua pihak untuk menyetepikan kepentingan peribadi bagi menyatukan tenaga bagi menghadapi BN dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang bertujuan menyelamatkan negara daripada 'penyangak'.
Malah beliau telah menghulurkan salam perdamaian kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan duduk semeja dengan pemimpin DAP Lim Kit Siang bagi mencapai tujuan itu.
Ketika berucap dalam majlis minum

petang dan bicara negarawan di Bagan Tiang, dekat sini, 24 Feb lalu, beliau turut mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk berdebat di pentas terbuka berhubung isu 1MDB.
Menurut Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu, dalam usia mencecah 92 tahun, beliau masih tidak nyanyuk seperti didakwa sesetengah pihak.
"Saya mencabar Najib untuk berdebat atas isu 1MDB di pentas awam di hadapan khalayak ramai, kalau saya nyanyuk takut buat apa?" ujarnya sinis.

Hadir sama pada majlis itu isteri beliau, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ahli Parlimen Part Buntar yang juga Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusof.
Majlis anjuran Pusat Khidmat Parlimen Parit Buntar dan AMANAH Parit Buntar itu dibanjiri hampir 2000 pengunjung khususnya penduduk tempatan.
Dr Mujahid ketika berucap menyatakan keterujaan beliau menerima tetamu negarawan walaupun ayahandanya Yusof Rawa iaitu mantan Presiden Pas dan Mursyidul Am Pas pernah mengalahkan Dr Mahathir pada

PRU 1969.
"Saya tidak pernah terbayang Tun Mahathir akan bertanding ke Parit Buntar, apatah lagi Tun Hasmah ada pertalian persaudaraan dengan ayah.
"Saya akan kenang kehadiran mereka berdua sampai bila-bila," ujarnya.
Turut berucap pada petang itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Kurau Yunus Jamhari, bekas Ketua Penerangan Wanita Umno Datuk Hamidah Osman dan Pengerusi AMANAH Parit Buntar Ir Sufian Ahmad.



Lebih dua ribu penduduk tempatan hadir untuk mengikuti ucapan Tun Mahathir.



Dr Mujahid menyampaikan cenderahati kepada Tun Mahathir.



Tun Dr Siti Hasmah berbual mesra dengan hadirin.